



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH / HARI : 3 MAC 2016 / KHAMIS
RUANGAN : DALAM NEGERI
M/S : 6

Bomba selamatkan jari kanak-kanak tersekat cincin

PUTRAJAYA 2 Mac - Seorang kanak-kanak perempuan terpaksa menahan sakit selama 30 minit apabila cincin yang dipakainya tersekat pada jari manis tangan kanannya dalam kejadian di sebuah tadika di Bandar Baru Sri Ehsan, Sepang.

Kejadian pada pukul 2.15 petang itu mengakibatkan jari manis Azizah Ahsir, 5, membengkak dan bertukar kemerah-merahan sebelum guru di tadika itu bertindak menghubungi bomba bagi mendapatkan bantuan.

Guru tersebut, Latipah Misnoh, 46, berkata, cincin itu merupakan milik rakan mangsa yang dipakai ketika murid-murid sedang membuat kerja sekolah.

"Saya pelik kenapa Azizah tidak menyiapkan kerja sekolahnya dan saya terkejut apabila mendapati jarinya sudah membengkak. Saya terus memanggil seorang lagi guru untuk membantu.

"Kami cuba mencabutnya dengan menggunakan sabun dan minyak namun gagal sebelum mengambil keputusan untuk menghubungi bomba bagi memotong cincin berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Yahya Mohd. Sham berkata, sebanyak lima anggota termasuk pegawai bergegas ke tadika berkenaan sebaik menerima panggilan pada pukul 2.15 petang.

"Kami tiba kira-kira 15 minit kemudian sebelum dapat memotong cincin berkenaan menggunakan *playar* pada pukul 2.45 petang," katanya.

Tambah Yahya, ibu bapa dinasihatkan supaya tidak membenarkan anak kecil membawa barang kemas ke sekolah bagi mengelakkan kejadian serupa berulang.



AZIZAH AHSIR menunjukkan jarinya yang masih bengkak selepas pihak bomba dan penyelamat berjaya memotong cincin yang tersekat pada jarinya di Tabika Kemas, Bandar Baru Sri Ehsan, Sepang, Selangor, semalam.

ppm
Pai

1873